

24/10/1999

Perjuangan bangsa

Mokhtar Alias

PERSOALAN penting yang kerap difikirkan dalam sesuatu pementasan ialah kaedah untuk menarik perhatian penonton. Maka, sudah menjadi tanggung jawab pengarah untuk membuatkan penonton terus berada di kerusi.

Jika ada penonton yang keluar atau terlena ketika pementasan, sudah tentulah telunjuk banyak dihalakan kepada pengarah, pelakon atau kelemahan skrip. Inilah cabaran karyawan teater.

"Saya mahu menumpukan soal dramatik, saya percaya unsur dramatik boleh menggerakkan penonton untuk mengikuti persembahan kami," kata pengarah teater Rosli Rauf yang lebih dikenali dengan nama Bung ketika bercakap mengenai teater perdana Perjuangan... yang berdasarkan skrip Ismail Kasan.

Dia yakin dapat menghasilkan kesan dramatik lebih mudah kerana naskah ini sendiri menceritakan pertembungan dua pengaruh dalam kehidupan manusia. Peperangan berpunca daripada anak kecil yang tidak diketahui asal usulnya, sebenarnya permainan orang tengah yang kemas dan licik.

Pedagang asing yang menguasai perlombongan emas di Sakti Alam Tua, cuba menguasai Pelabuhan Kuala Lontar milik Sakti Alam Purba menjadi batu api yang cukup merbahaya.

Perjuangan... terbitan Skrin Network Sdn Bhd akan dipentaskan pada 27 November hingga 3 Disember ini di Dewan Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi mereka sedang berusaha untuk mendapat tempat lebih selesa di Istana Budaya. Bagaimanapun, setakat ini belum ada keputusan dapat dibuat.

Menurut Bung, kekuatan pelakon juga menjadi satu kelebihan yang boleh menarik perhatian penonton.

Pelakon utama terdiri daripada Vanida Imran, Haeriyanto Hassan, Yalal Chin, Sani Sudin, Jesse Lim, Engku Hanafi, Sarina Aziz, Ali Osman dan Fadilah Mansur. Secara keseluruhan seramai 70 pelakon, termasuk pelakon tambahan terbabit dalam pementasan ini.

"Pelakon yang kita pilih mempunyai banyak pengalaman di pentas teater, saya fikir mereka boleh menghayati watak dan membuat penampilan yang boleh meyakinkan penonton," katanya.

Perjuangan... berdasarkan puisi karya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perjuangan Yang Belum Selesai. Sebelum ini, puisi Perdana Menteri ini pernah dipindahkan dalam bentuk lagu dan drama televisyen.

Bung menganggap teater ini adalah suatu bentuk perjuangan yang dipenuhi cabaran dan pelbagai rintangan.

Menurutnya, ia adalah susulan daripada perjuangannya sebagai pengarah kepada dua lagi naskah Ismail sebelum ini, Pelayaran Inderaputera 2 dan Menanti Puteri Hijau.

"Mementaskan sesebuah teater itu sendiri adalah suatu perjuangan.. berjuang untuk mendapatkan tempat, membentuk watak pelakon, berjuang mencari pitis (wang), berjuang menegak seni dan budaya," katanya.

(END)